

BAB ENAM

Penutup

Kemakmuran dan perdagangan Singapura menjadi perkara utama kepada Imperial British sepanjang masa. Fakta ini boleh dilihat dalam hampir kesemua penulisan berkenaan sejarah Singapura. Pembangunan yang dicapai olehnya telah membawa pulau kecil ini setanding dengan kemajuan yang dikehendaki di Barat. Mereka yang terlibat dalam penulisan sejarah Singapura lebih gemar dan terdorong untuk mengkaji kegemilangan Singapura dari aspek sejarah sosio-ekonomi, pentadbiran dan masyarakatnya. Mereka kurang memberikan perhatian ke atas aspek pertahanan yang sebenarnya telah berkembang selari dengan pembangunan pulau dan pelabuhan Singapura. Kepentingan sejarah pertahanan Singapura tersorok di sebalik tirai kecemerlangan perdagangan dan pembangunan yang dikehendaki oleh pulau tersebut.

Pihak British telah mencipta Singapura sebagai "*Key to the Far East*". Tanggapan ini terus menjadi kenyataan sehingga ke hari ini. Mereka telah memperkenalkan pelbagai kemudahan serta kelonggaran dalam aktiviti perdagangan dan perkapalan untuk menarik minat kehadiran kapal dagang di Pelabuhan Singapura. Jawapannya, Singapura telah muncul sebagai bazar dagangan dunia yang utama di Timur. Nyata sekali

gelaran ini masih disandang oleh Singapura sehingga kini. Pulau Singapura dan wilayahnya mempunyai latar belakang sejarah perdagangan yang luas dan kukuh untuk membantunya terus berperanan sebagai pusat perdagangan.

Kecenderungan penghayatan para sarjana terhadap konsep "*Key to the Far East*" ini secara sedar atau tidak telah mengaburi kehadiran perlaksanaan "*Malta of the East*" yang pernah diinspirasikan oleh Raffles. Kemajuan perdagangan Singapura dan pembangunan struktur pelabuhannya bergerak selari dengan perlaksanaan kerja-kerja pertahanan. Pertahanan pulau pelabuhan ini sangat menarik untuk dikaji. Bagi sebuah pulau yang kecil, Singapura telah diperberatkan dengan kerja-kerja pertahanan yang kompleks. Alasan British adalah untuk melindungi perdagangan dan keselamatan laluan pelayaran serta komunikasi dari Barat ke Timur dan sebaliknya. Di sebalik alasan tersebut, pertahanan Singapura adalah bertujuan untuk mengimbangi kekuatan kuasa-kuasa Imperial lain di Timur. Kerja-kerja pertahanan Singapura yang dimaksudkan oleh pihak British ini juga disandarkan kepada misi keamanan dan keselamatan sejagat. Secara ringkas boleh disimpulkan bahawa perkembangan pertahanan Singapura dan wilayahnya bergerak selari dengan kemajuan yang dicapai dalam pembangunan pelabuhan dan perdagangan Singapura.

Boleh dikatakan kemajuan yang dicapai dalam aktiviti perdagangan dan pelabuhan di Singapura bukan disebabkan oleh tarikan hasil mahsul atau komoditi perdagangan di rantau ini semata-mata. Ia disokong kuat oleh faktor arang batu dan petroleum untuk meletakkan Pulau Singapura dalam peta pelayaran perdagangan dunia.

Perubahan teknologi pelayaran daripada kapal layar kepada kapal wap telah menyebabkan arang batu dan kemudiannya petroleum dikumpulkan di Pelabuhan Singapura menjadi tarikan utama kepada kapal dagang yang terlibat dalam perdagangan dengan wilayah-wilayah di Timur. Untuk memenuhi kehadiran kapal wap, Pelabuhan Singapura telah diubahsuai untuk menyahut permintaan aspek perdagangan.

Dengan kewujudan sistem pelayaran wap dan pembukaan Terusan Suez pada tahun 1869, Pelabuhan Singapura telah berkembang dengan pesat. Bilangan kapal yang menggunakan perkhidmatan di pelabuhannya terus meningkat. Lantaran itu, kerja-kerja pertahanan telah ditumpukan dengan tujuan melindungi depot-depot arang batu dan petroleum serta kemudahan perkhidmatan perkapalan di Pelabuhan Singapura. Perubahan dalam teknologi perkapalan dan masa pelayaran yang lebih singkat dari Barat ke Timur banyak membantu kepada perkembangan perdagangan di Pelabuhan Singapura. Namun begitu, situasi yang memberangsangkan ini juga bermakna musuh British mendapat

kebaikan dan peluang yang sama. Mereka boleh menggunakan kesempatan ini untuk menyerang tanah-tanah jajahan British di Timur. Faktor arang batu, petroleum dan kemudahan perkapalan di Pelabuhan Singapura sudah pasti menjadi sasaran utama pihak musuh.

Perubahan dan kemajuan dalam teknik peperangan telah menyebabkan keselamatan Singapura seperti juga pelabuhan penting British yang lain, perlu berada dalam keadaan terjamin sepanjang masa. Pertahanan Singapura harus sentiasa bersedia untuk mematahkan sebarang cubaan pencerobohan pihak musuh terutamanya ketika ketidakhadiran angkatan laut British. Mereka tidak boleh terlalu bergantung kepada bantuan ketenteraan daripada koloni British yang lain pada waktu peperangan.¹

Perlaksanaan kerja pertahanan Singapura adalah lebih cenderung untuk melindungi depot-depot arang batu, petroleum, kemudahan dan peralatan di pelabuhan dan Bandar Singapura. Keempat-empat faktor tersebut menjadi tunjang kepada kemasyhuran Singapura sebagai jajahan British yang paling maju dan berjaya di Timur.

Sebelum perlaksanaan setiap kerja pertahanan, anggaran tentang nilai atau perbelanjaannya perlu dipastikan terlebih dahulu. Aspek perbelanjaan pertahanan telah menjelaskan lagi kedudukan sebenar Pulau Singapura dan wilayahnya dalam hirarki kepentingan Imperial di Timur.

Pelan-pelan pertahanan Singapura dan anggaran perbelanjaannya sentiasa menjadi isu yang hangat diperdebatkan antara pentadbiran Inggeris di Singapura dengan pentadbiran British di India dan England. Perbelanjaan yang diperuntukkan ke atas kerja pertahanan membuktikan usaha British untuk mengukuhkan pengaruh mereka di Timur dan mewujudkan keselamatan sebuah pelabuhan di dalam sebuah kubu pertahanan. Sekali lagi persoalan penting ini tidak menjadi topik kegemaran para sarjana sejarah Singapura.

Pihak Imperial yang mempunyai kapital dan teknologi telah membuat pelaburan yang besar ke atas kerja-kerja pertahanan di Pulau Singapura dan wilayahnya. Pembinaan kerja pertahanan dan perletakan senjata serta kehadiran anggota tentera merupakan satu beban kewangan yang besar bagi sebuah pulau yang kecil. Disebabkan kepentingannya sebagai sebuah depot arang batu, petroleum, pelabuhan yang efisien dan mempunyai kedudukan strategik ciptaan British, maka ia mesti dilindungi. Isu perbelanjaan pertahanan tidak boleh dijadikan alasan untuk membatalkan segala pelan pertahanan yang telah dirangka.

Perkara berkenaan pembiayaan pertahanan Singapura dapat diselesaikan dengan pengagihan perbelanjaan yang dipersetujui di antara Pejabat Kolonial dengan Imperial. Perundingan ini berlandaskan sifat kepentingan bersama antara kedua-dua belah pihak ke atas keselamatan

Singapura. Tambahan lagi kemajuan dan keuntungan yang dikaut melalui aktiviti perdagangan pulau berkenaan mampu memenuhi kadar perbelanjaan pertahanan koloni. Malah, ia dapat menampung sumbangan pertahanan yang dikenakan oleh Kerajaan Imperial tanpa banyak masalah.

Namun begitu, isu pembiayaan kerja-kerja pertahanan ini telah melahirkan satu perubahan dalam pentadbiran koloni Negeri-Negeri Selat. Ia ditimbulkan oleh masyarakat pedagang di Singapura. Mereka tidak berpuas hati dengan pentadbiran British di India. Mereka berpendapat pihak British di India tidak memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap keselamatan Singapura. Rasa tidak puas hati mereka ini tercetus disebabkan keimbangan terhadap keselamatan Singapura akibat perang yang meletus di Eropah. Dalam waktu yang sama, mereka terpaksa menanggung perbelanjaan pertahanan yang tinggi yang dikenakan oleh pentadbiran British di India. Mereka sangsi terhadap usaha pertahanan yang dilaksanakan oleh pihak di India terutama dalam keupayaannya menepis ancaman dan serangan pihak musuh.

Atas rasa tidak puas hati dengan polisi dan pentadbiran British di India, golongan pedagang Negeri-Negeri Selat, khususnya di Singapura telah mendesak agar pentadbiran koloni ditadbirkan secara langsung dari negara ibunda. Maka pada 1hb. April 1867, pentadbiran koloni Negeri-Negeri Selat telah diletakkan di bawah Pejabat Kolonial

yang berpusat di London.

Masyarakat Singapura sanggup membiayai perbelanjaan pertahanan koloni sebagai syarat perpindahan tersebut. Para sarjana sejarah Singapura sering mengaitkan perkara berkenaan perpindahan tersebut dengan rasa tidak puas hati penduduk Singapura terhadap corak pentadbiran British di India. Penulisan mereka lebih memberatkan tentang kelemahan pentadbiran British di India. Ini ditambahkan lagi dengan usaha pihak India menjadikan Singapura sebagai tempat tampungan para penjenayah di samping keputusan untuk menyeragamkan matawang koloni mengikut nilai Rupee.

Di sebalik faktor-faktor berkenaan, isu perbelanjaan pertahanan dan faktor keselamatan Singapura menjadi perkara pokok dalam hal tersebut. Kesanggupan para penduduk Negeri-Negeri Selat menanggung sendiri perbelanjaan pertahanan koloni menunjukkan kepercayaan mereka terhadap hubungan secara langsung dengan negara ibunda. Ia adalah cara yang lebih berkesan untuk memastikan pembangunan serta keselamatan Singapura dapat memberikan jaminan untuk masa hadapan.

"...position and prospects of this Settlements need no remark at its hands to point out the positive importance of the Colony, or to testify to its progressive advancement so long as it is placed under fostering care of a wise, liberal and enlightened administration".²

Syarat perpindahan pentadbiran yang disanggupi oleh pihak koloni membuktikan perkara pertahanan menjadi aspek yang penting kepada mereka. Namun begitu, ketetapan syarat ini semakin terpadam. Pihak Imperial sendiri telah bersedia mengambil alih tanggungjawab membiayai sebahagian besar kerja pertahanan yang dilaksanakan di Pulau Singapura dan wilayahnya pada tahun 1880-an.

Secara ringkasnya, semenjak pembukaan Terusan Suez dan perubahan dalam teknologi perkapalan serta keperluan arang batu dan kemudiannya petroleum, Singapura telah menjadi satu kepentingan Imperial yang unggul di Timur. Justeru itu, adalah tidak adil dengan meletakkan beban perbelanjaan ke atas pundak pihak koloni sahaja. Tambahan lagi, hanya kira-kira 1/6 daripada nilai kargo kapal-kapal wap yang menggunakan perkhidmatan di Pelabuhan Singapura sama ada dalam perjalanan ke India, Timur Jauh atau England adalah kepunyaan para pedagang Negeri-Negeri Selat. Sementara yang selebihnya lagi adalah milik pedagang atau pentadbiran British di England atau India.³

Depot-depot arang batu dan petroleum di Singapura adalah merupakan sebahagian daripada rantai pengkalan arang batu Imperial yang menganjur dari Barat ke Timur. Dengan lokasi Singapura yang terletak di tengah-tengah jarak antara Trincomalee dan Hong Kong, menjadikannya sebagai pusat hentian paling ideal kepada kapal yang

sedang dalam pelayaran antara Timur dan Barat. Kepentingan ini telah meletakkan Pulau Singapura sebagai sebahagian daripada skim pertahanan Imperial.

Dengan kehadiran arang batu, petroleum serta kelengkapan perkapalan yang begitu bernilai kepada British, maka kerja-kerja pertahanan telah dibangunkan secara lebih menyeluruh. Keselamatan pelabuhan menjadi dasar utama mereka. Lantaran itu, semenjak awal tahun 1880-an lagi, sistem pertahanan periuk api telah diaplikasikan di pulau pelabuhan tersebut. Sistem pertahanan ini adalah setanding dengan teknologi peperangan atau pertahanan yang diamalkan di pelabuhan-pelabuhan penting di Eropah. Dalam masa yang sama, kubu-kubu pertahanan dan pasukan *battery* turut dibangunkan serentak dengan tumpuan terhadap keselamatan kawasan pelabuhan. Selain daripada itu, pihak British juga menguatkuaskan peraturan kemasukan kapal perang asing ke Pelabuhan Singapura. Kerja-kerja pertahanan dan sekatan ini merupakan satu bentuk perlindungan yang terbaik bagi Pulau Singapura dan wilayahnya. Namun begitu, sesetengah pihak masih curiga terhadap perlindungan yang ditawarkan oleh kerja-kerja pertahanan tersebut.

Ekoran ancaman angkatan laut Jerman di Eropah, pihak Imperial lebih memusatkan gerakan berjaga-jaga di perairan Eropah. Ini menyebabkan masyarakat di Singapura mengecam bahawa angkatan laut

British lebih memberikan perhatian untuk mengawasi perairan pantai Great Britain sahaja.⁴ Kini, dengan merujuk kepada polisi baru yang strategik dalam perancangan Admiralty, Imperial British amat memerlukan pengkalan laut di seluruh dunia. Pengkalan laut ini berfaedah ketika masa peperangan walaupun terpaksa menanggung beban kos yang melampau semasa di luar waktu peperangan (*in time of peace*).

Apabila teknologi perkапalan berubah daripada penggunaan arang batu kepada petroleum dan teknik peperangan menjadi lebih canggih pada abad ke-20, maka bentuk pertahanan Singapura turut sama berubah. Perubahan ini merupakan satu penyesuaian kepada taktik peperangan dan kemajuan yang dicapai dalam teknologi perkапalan. Selama ini kekuatan Imperial di Timur Jauh banyak bergantung kepada pengkalan lautnya di Hong Kong (*China Station*). Angkatan laut British di koloni ini dianggap unggul kerana berjaya menangani usaha membanteras lanun Cina. Usaha tersebut merupakan satu cabaran kepada kewibawaan kuasa maritim British di Timur.

Pengalaman Perang Dunia Pertama telah menyedarkan pihak British mengenai keberangkalian yang boleh wujud di Timur pada masa akan datang. Amerika Syarikat telah mengaut keuntungan dan kekayaan yang begitu lumayan semasa Perang Dunia Pertama. Malahan, terdapat berita yang mengatakan mereka akan memaju dan membangunkan lagi

industri pertahanannya. Pihak Jepun yang menerima berita ini merasakan bahawa kedudukan mereka akan terancam. Sementara Britain pula menjangkakan kedudukannya sebagai kuasa maritim utama akan jatuh ke tangga kedua sekiranya Amerika Syarikat melaksanakan program pertahanan laut mereka.⁵ Dengan itu, pelaburan yang besar perlu dibuat ke atas faktor pertahanan Singapura untuk menjadikannya lebih efisien dan berupaya melindungi keperluan angkatan laut Imperial dan perdagangan British.

Apabila kawasan-kawasan di Pasifik mengalami pertambahan penduduk dan semakin penting dalam perdagangan dunia, kedudukan serta kepentingan Singapura juga semakin memuncak. Lokasi pulau pelabuhan ini boleh mengawal keselamatan Australia, Belanda serta pulau-pulau Filipina. Dengan erti kata lain, ia berupaya menaungi keselamatan rantau Nusantara hingga ke Australia. Tambahan lagi, Pelabuhan Singapura masih boleh dibangunkan lagi untuk menerima kehadiran kapal-kapal perang British. Justeru untuk menawarkan keselamatan dan kemakmuran dunia, kedudukan pertahanan Singapura perlu diperkuuhkan dengan peranannya sebagai sebuah pengkalan kepada empayar British.⁶

Tindakan Jepun (rakan sekutu British sehingga Perang Dunia Pertama) dikatakan begitu agresif semasa Perang Dunia Pertama dengan

merampas wilayah-wilayah Jerman di Timur. Perkara ini telah menyedarkan Britain keupayaan negara Matahari Terbit ini untuk menggugat kewibawaan mereka sebagai kuasa utama di Timur. Persidangan Washington pada tahun 1921, merupakan satu peluang kepada kuasa-kuasa Barat terutamanya Britain untuk menghadkan pengaruh Jepun. Amerika dan Britain telah memperolehi kekuatan angkatan laut pada nisbah 5:5 berbanding 3 kepada Jepun.⁷

Jelas sekali dalam persidangan tersebut, pengaruh dan kekuatan angkatan laut Jepun telah disekat oleh kuasa-kuasa Barat. Kerugian di pihak British dengan keputusan persidangan berkenaan adalah mereka tidak lagi boleh bergantung kepada pengkalan laut di Hong Kong. Justeru itu, satu pengkalan laut baru perlu dicari dan Singapura menjadi pilihan yang terbaik bagi pembinaan sebuah angkatan laut British yang lebih moden dan canggih. Pengkalan laut ini kelak mesti berupaya melindungi Tanah Melayu, Borneo dan turut sama membantu melindungi Australia dan New Zealand. Sebenarnya pengkalan ini dibina sebagai cabaran dan persaingan secara langsung untuk menghadapi tentera Imperial Jepun.

Setelah Parlimen Britain memutuskan pembinaan sebuah pengkalan laut di Singapura, anggaran perbelanjaan bagi perlaksanaannya telah dibuat. Pada tahun 1924, anggaran perbelanjaan tersebut bernilai

£11,000,000. Namun selepas dikaji semula oleh pihak pertahanan di England pada tahun 1926, anggaran kos tersebut telah dikurangkan kepada £7,750,000. Jumlah tersebut tidak termasuk kos garisen dan pembinaan kerja-kerja pertahanan yang lain. Sumbangan pertahanan koloni atau *Military Contribution* yang dikenakan oleh pihak Imperial juga telah meningkat kepada 20% daripada pendapatan yang diperolehi. Ini merupakan satu kadar yang cukup besar bagi Pulau Singapura.

Pembinaan pengkalan laut di Singapura sebenarnya agak lebap dilaksanakan. Ini kerana keputusan perlaksanaan kerja pembinaannya dan kerja pertahanan yang lain adalah bergantung kepada dasar parti yang memerintah Great Britain. Parti Buruh yang memerintah negara tersebut pernah mengumumkan rancangan untuk membatalkan projek berkenaan. Kemenangan semula Parti Konservatif pada tahun 1924 telah membolehkan projek pengkalan laut di Singapura berjalan semula.

Pada awal tahun 1938, pihak pertahanan British telah mengadakan satu latihan peperangan di Singapura. Latihan yang dijalankan ini adalah untuk menguji kemampuan dan kemantapan sistem pertahanan Singapura terhadap serangan "musuh".⁸ Dalam latihan peperangan tersebut, pertahanan Singapura ternyata begitu kebal untuk dibolosi oleh "musuh". Akhbar Straits Times yang bertarikh 5hb. Februari 1938, telah mengulas tentang latihan ketenteraan berkenaan. Menurut

akbar tersebut, pertahanan Singapura telah berjaya mematahkan serangan "penceroboh". Ini bermakna keselamatannya adalah selamat dan terjamin.⁹ Sepuluh hari selepas latihan peperangan itu, Pengkalan Laut Singapura telah dirasmikan oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat. Ia telah dirasmikan dengan penuh gilang-gemilang pada 14hb. Februari 1938. Dalam ucapan perasmianya, Gabenor Thomas Shenton menyatakan bahawa:

"The Naval Base is not a challenge to war, it is an insurance against war".¹⁰

Namun begitu, kejatuhan Singapura ke tangan Jepun selepas empat tahun perasmian pengkalan laut di Sembawang merupakan satu keaiban kepada Kerajaan British. Pelaburan yang dibuat ke atas kerja-kerja pertahanan dan keselamatan Singapura adalah sia-sia sahaja. Kemaraan tentera Jepun ke pulau tersebut tidak dicabar oleh sebuah pengkalan laut yang dianggap sebagai terbaik dan kebal di rantau ini. Kesilapan terbesar yang dilakukan oleh pihak pertahanan Imperial adalah sikap alpa mereka terhadap keselamatan Semenanjung Tanah Melayu sebagai jalan masuk utama ke Pulau Singapura.

Dalam menjamin kedaulatan empayar British di rantau ini, mereka mungkin terlupa tentang kepentingan wilayah jajahan British yang lain. Wilayah-wilayah ini juga sama penting untuk dilindungi dan dipertahankan. Sikap pilih kasih dan perhatian yang lebih kepada Pulau Singapura dan wilayahnya hanya menjerat British sahaja.

Keghairahan melaksanakan kerja pertahanan di pulau tersebut boleh dianggap sebagai "takut kepada bayang-bayang sendiri". Mereka terlupa bahawa Semenanjung Tanah Melayu yang selama ini menjadi pembekal bahan mentah bagi kemakmuran perdagangan Singapura merupakan satu kedudukan yang paling strategik untuk menyekat sebarang kemaraan pihak musuh. Dalam hal ini, tentera Jepun bertindak dengan lebih bijaksana dan rasional untuk mempermain-mainkan sifat angkuh British. Menyedari tentang kekurangannya dalam pemilikan peralatan perang dan senjata, Jepun telah memilih strategi mendaratkan tenteranya di Semenanjung Tanah Melayu. Pasukan tentera Jepun ini meyusuri dan menguasai Tanah Melayu hingga ke Negeri Johor, iaitu wilayah yang menjadi nadi kepada kehidupan Singapura. Dalam keadaan yang genting ini, pihak British di pulau tersebut seolah-olah terperangkap dalam kubu yang dibinanya sendiri.

Sebenarnya semenjak akhir abad ke-19, British sudah menyedari tentang kepentingan melindungi Semenanjung Tanah Melayu. Mereka sedar kepentingan Semenanjung ini dalam menjamin keselamatan Pulau Singapura dan wilayahnya. Namun, disebabkan terbawa-bawa dengan impian "*Malta of the East*", mereka memandang sepi terhadap pertahanan negeri-negeri Tanah Melayu.

"The Malay peninsula, however as it is in itself, deserves most attention on account of its

geographical position. Whoever holds the peninsula must to a great extent command the route to the Far East. Singapore is the turning point in the South of Asia, but half the value of Singapore would be gone if to the north of it, a neck of the peninsula were held by some other power".¹¹

Kepentingan ini tidak pernah berubah kerana Semenanjung Tanah Melayu dan Tambak Johor sentiasa menjadi saluran utama kepada pembangunan dan kehidupan di pulau tersebut.

Semasa Jepun melancarkan perang ke atas Tanah Melayu, Pulau Singapura secara praktikalnya berada dalam kedudukan "tidak dilindungi". Ini kerana kerja-kerja pertahanan yang dilaksanakan di "*Malta of the East*" ini hanya menitikberatkan serangan yang bakal dilancarkan dari laut dan udara. Malahan, pertahanan di Pelabuhan Keppel dengan barisan periuk api, kapal peronda, kapal selam dan kapal penyapu periuk api tidak berfungsi seperti apa yang dirancangkan sewaktu Singapura jatuh ke tangan Jepun.

Pelan pertahanan Imperial British bergantung kepada usaha untuk menyekat pendaratan tentera-tentera Jepun dan menguasai ruang udara Tanah Melayu. Admiral Tom Phillip, First Sea Lord, telah mengarahkan angkatan laut British yang berada di Singapura supaya bergerak ke perairan Semenanjung. Ia adalah bertujuan untuk menghadapi kemaraan tentera Jepun. Pergerakan angkatan laut British ini tidak diiringi oleh pesawat perang yang dapat menawarkan perlindungan kepadanya.

Tentera Jepun yang berjaya menguasai padang kapal terbang di Kota Bharu telah menyerang dan mengalahkan kapal "Prince of Wales" dan "Repulse" pada 10hb. Disember 1941. Dengan itu, pihak Jepun dengan mudah dapat menguasai udara dan perairan Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura.¹²

Pasukan tentera Jepun yang diketuai oleh Lt. Jeneral Tomoyuki Yamashita berjaya menguasai Johor. Beliau telah menduduki istana raja dan menjadikannya sebagai markas untuk mengawasi Pengkalan Laut Singapura di samping merancang serangan ke atas pulau tersebut. Hasil pengintipan yang dibuat, pihak Jepun dapati Selat Tebrau tidak dipasang dengan sistem pertahanan periuk api. Ini memudahkan mereka menjalankan strategi pencerobohan mereka. Dengan kehadiran pasukan tentera Jepun di Johor, Pengkalan Laut Singapura seolah-olah tidak berfungsi. Tentera-tentera British yang diarah supaya mempertahankan pengkalan tersebut kini terpaksa memusnahkannya pula.¹³

General A.E. Percival yang mengetuai tentera British di Singapura telah menempatkan orang-orangnya di sebelah timur laut Tambak Johor. Beliau percaya tentera Jepun akan mencerobohi Pulau Singapura selepas menguasai Pulau Ubin dan melancarkan serangan ke atas Changi.¹⁴ Semua senjata berat Singapura mengarahkan tembakan ke sebelah timur serta selatan Pulau Singapura. Tiada satu pun senjata yang

mengarahkan tembakan ke arah pihak lawan di sebelah utara.¹⁵ Namun begitu, Field Marshall Archibald Wavell, *Supreme Commander in the Far East*, telah menduga bahawa rancangan serangan besar-besaran Yamashita akan bertumpu di sebelah barat laut Tambak Johor dengan tujuan mengawasi padang kapal terbang di Tengah dan kedudukan Bukit Timah.¹⁶

Tentera British telah membakar Selat Tebrau dan sungai-sungai di Singapura dengan petrol untuk menyekat kemaraan tentera-tentera Jepun.¹⁷ Gabenor sendiri telah mengarahkan agar stok-stok getah, kilang memproses bijih timah serta loji jentera dan stesen-stesen wayarles dimusnahkan. Tujuannya adalah supaya pihak Jepun tidak dapat memanfaatkan kemudahan-kemudahan tersebut. Pasukan tentera Jepun telah berjaya mendarat di sebelah barat laut Pulau Singapura serta menguasai semua tempat penyimpanan air. Terdapat banyak saluran paip air yang musnah akibat serangan bom. Pada 14hb. Februari, hampir seluruh bandar Singapura termasuk hospital tiada bekalan air. Keadaan ini telah memaksa Percival menyerah kalah kepada pihak Jepun pada 15hb. Februari 1942.

Kekebalan sebuah perkubuan "*Malta of the East*" yang dibanggakan oleh British semenjak tahun 1819, telah berjaya diruntuhkan hanya dengan air sahaja. Kehebatan Pengkalan Laut Singapura lenyap tanpa sempat diuji keunggulannya.

Nota kaki

1. Military Contribution Committee, 1927, no. fail : 28222, dalam CO 273/541, ff. 1-65.
2. **Report on the Straits Transfer Question by the Committee at the Town Hall Public Meeting**, Singapore, Straits Times Press, 1864, f. 24.
3. **House of Commons Parliamentary Papers**, "Straits Settlements relative to the increase of the Military Contribution", Tahun 1890-91, Vol. 57, hal. 378-475.
4. CO 273/522 : Admiralty kepada Pejabat Kolonial, 3 Mei 1923, desp. Tel., ff. 111-121.
5. **Straits Times**, 12 Nov. 1921.
6. **Straits Times**, 24 Feb. 1922.
7. James Leasor, **Singapore : The Battle That Changed The World**, New York, Doubleday and Co. Inc., 1968, hal. 14.
8. **Straits Times**, 4 Feb. 1938.
9. **Straits Times**, 5 Feb. 1938.
10. **Straits Times**, 15 Feb. 1938.
11. CO 537/48 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 31 Jan. 1896, desp. Conf., ff. 221-247.
12. C.M. Turnbull, **A History Of Singapore, 1819-1975**, Singapore, Oxford University Press, 1975, hal. 172.
13. **Ibid.**, hal. 179-183.
14. **Ibid.**, hal. 183.
15. James Leasor, **Singapore : The Battle That Changed The World**, New York, Doubleday and Co. Inc., 1968, hal. 19.

16. C.M. Turnbull, **Op. Cit.**, hal. 183.

17. James Leasor, **Op Cit.**, hal. 260.